

**Anwar Umum Wakil Pembangkang Dalam Jawatankuasa Pilihan Khas  
Bernama  
3 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Pakatan pembangkang hari Isnin mengumumkan nama tiga wakil mereka bagi menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata tiga wakil tersebut adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali, Pengarah Pilihan Raya PAS Dr Mohd Hatta Ramli dan Timbalan Pengarah Pilihan Raya DAP Anthony Loke.

Bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, Anwar berkata sokongan pembangkang terhadap penubuhan jawatankuasa itu tidak bermaksud kerajaan boleh menggunakannya sebagai helah untuk melengahkan usaha menambahbaik proses pilihan raya dan mengetepikan tuntutan mereka serta Bersih untuk mewujudkan sistem pilihan raya yang bebas dan adil.

"Kita tekankan jangan ini dijadikan alasan untuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk buat lengah dan tak buat apa-apa (penambahbaikan terhadap proses pilihan raya)," katanya.

Jawatankuasa itu bertanggungjawab untuk mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan SPR dan mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil.

Anggota jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada sembilan anggota Dewan Rakyat, iaitu lima anggota daripada Barisan Nasional (BN) (termasuk seorang menteri sebagai Pengerusi), tiga anggota daripada pembangkang dan seorang wakil rakyat Bebas.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bulan lepas mengumumkan nama lima Anggota Parlimen Barisan Nasional mewakili semua kaum terbesar bagi menganggotai jawatankuasa tersebut.

Mereka adalah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili (wakil bagi Sabah dan Kadazan) dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa khas tersebut.

Empat yang lain ialah Datuk Alexander Nanta Linggi (wakil bagi Sarawak dan Iban), Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad (wakil Umno dan Melayu), Tan Sri Dr Fong Chan Onn (wakil MCA dan Cina) serta Anggota Parlimen Hulu Selangor, P. Kamalanathan (wakil MIC dan India).

Bagaimanapun, sehingga kini konsensus Bebas masih belum mengumumkan wakil mereka ke jawatankuasa itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617387>